

**Umat Islam Mesti Bersatu Padu Tolak Fahaman Pesong Akidah
Bernama
03 Mei, 2012**

MUAR, 3 Mei (Bernama) -- Umat Islam di negara ini hendaklah bersatu padu untuk mempertahankan agama Islam dan menolak fahaman yang memesongkan akidah serta syariat Islam, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata umat Islam hari ini menghadapi pelbagai bentuk cabaran termasuk fahaman dan ideologi yang boleh menjejaskan akidah dan perpaduan ummah.

"Contohnya, gerakan yang dipelopori individu tertentu yang berusaha pesongkan akidah umat akidah iaitu gerakan liberalisme agama dan LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual dan Transeksual)," katanya semasa berucap pada Majlis Forum Perdana Hal Ehwal Islam di Dataran Tanjung Emas di sini malam Khamis.

Forum itu dianjurkan gabungan pertubuhan bukan kerajaan NGO cawangan Muar bertajuk "Kesatuan, Perpaduan, Persaudaraan dan Permuafakatan Ummah Adalah Tuntutan Fardhu Ain" yang dihadiri kira-kira 5,000 penduduk sekitar.

Muhyiddin berkata gerakan berkenaan menuntut setiap amalan dalam agama Islam diliberalisasikan seperti yang dilakukan di Barat.

"Mereka cuba pesong akidah umat Islam dan membenarkan murtad untuk jejas akidah umat Islam serta mahukan (perlakuan) seks bebas berlandaskan fahaman individu berhak tentukan orientasi seks masing-masing," katanya.

Timbalan Perdana Menteri itu khawatir jika umat Islam tidak bersatu, gerakan dan fahaman itu akan menular dan melanggar batas agama.

Walaupun umat Islam mempunyai hak untuk menentukan fahaman politik masing-masing, beliau berkata janganlah sampai ia menjejaskan perpaduan ummah.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663685>